

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	13 MAY 2017

Jadi pusat simpanan data besar bagi rantau Asia Tenggara

Alibaba Cloud pilih Malaysia - Najib

Um - 13/5/2017



Mowardi Mahmud

Melaporkan dari BEIJING, CHINA

■ BEIJING 12 MEI

PERDANA Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, Alibaba Company Ltd., penyedia perkhidmatan 'Cloud' akan mewujudkan pusat simpanan data besar atau 'big data' bagi rantau Asia Tenggara di Malaysia.

Najib berkata, perkara tersebut telah disahkan oleh Pengerusi Eksekutif Kumpulan Alibaba, Jack Ma.

Menurut Perdana Menteri, Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) juga telah menyampaikan pengiktirafan status Koridor Raya Multimedia (MSC) kepada Alibaba Company Ltd.

"Lokasi pusat data berkenaan belum ditentukan lagi dan akan diumumkan kemudian tetapi berkemungkinan di Cyberjaya," katanya kepada wartawan Malaysia dalam sidang akhbar sempena lawatan beliau ke Hangzhou, China.

Najib tiba di Beijing hari ini selepas mengadakan lawatan ringkas meninjau operasi Alibaba Group, syarikat gergasi e-dagang China di bandar Hangzhou sebelum menghadiri Belt and Road Forum (BRF) dalam lawatan kerja lima hari ke China.

Beliau menjelaskan lawatan ke Hangzhou adalah atas pelawaan Jack Ma dan bertujuan mengadakan perbincangan lanjut tentang



NAJIB TUN RAZAK mendengar penerangan daripada Jack Ma (kiri) ketika melawat Ibu pejabat Alibaba sempena lawatan Perdana Menteri ke Hangzhou, China, semalam. - BERNAMA

kerjasama untuk memantapkan lagi projek Digital Malaysia.

Sebelum itu, beliau menyaksikan majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) antara MDEC dan Pihak Berkuasa Tempatan Hangzhou dan Alibaba Group (China) Company Limited untuk mengangkat projek Zon Perdagangan Bebas Digital (DFTZ) ke peringkat seterusnya.

Perdana Menteri berkata, menerusi kerjasama itu, Malaysia akan mendapat akses kepada e-Dagang atau Zon Percubaan e-

Dagang Bersepadu dengan Hangzhou menjadi hab di China.

Beliau berkata, Jack Ma juga menyatakan rasa kagum terhadap kepantasan Malaysia yang dianggap sebagai amat efisien ketika membuat keputusan untuk melancarkan DFTZ yang pertama luar negara di China dalam masa tiga bulan sahaja.

Najib berkata, langkah mewujudkan DFTZ di Malaysia bertujuan memberikan peluang kepada Perusahaan Kecil dan Sederhana (SME) di Malaysia mengembang-

kan perniagaan melalui secara dalam talian dalam bidang pengeksportan ke China.

Beliau berkata, MDEC kini dalam proses memilih 1,500 syarikat dan produk bagi mengambil bahagian menggunakan platform yang disediakan Alibaba untuk meningkatkan dan memperkasakan kemasukan mereka dalam pasaran.

Sehubungan itu, Najib berkata, pusat penunai serantau atau 'regional fulfillment hub' akan dilancarkan pada bulan Oktober ini. - UTUSAN